



UNIT INTEGRITI • INTEGRITY UNIT

Rujukan: UKM.UIG.100-1/7/1
Tarikh: 12 November 2020

PEKELILING UNIT INTEGRITI BIL. 2/2020

SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SALURAN RASMI ADUAN INTEGRITI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Unit Integriti UKM mengambil perhatian serius terhadap semua aduan yang dikemukakan oleh warga UKM. Justeru itu, Unit ini menguruskan aduan dan menjalankan tindakan pengesanan dan pengesanan (menyiasat) ke atas salah laku berkaitan dengan perkara berikut:

- i. Pelanggaran peraturan dan arahan UKM dan Kerajaan Malaysia;
- ii. Pelanggaran di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tataeterib dan Surcaj) 2000 (Akta 605);
- iii. Pelanggaran undang-undang jenayah di Malaysia termasuklah di bawah Kanun Keseksaan, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2000 (Akta 694); dan
- iv. Salah laku gangguan seksual.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan pengurusan aduan integriti yang berkualiti dan tekal dapat dilaksanakan, Unit ini **tidak lagi menguruskan aduan seperti berikut:**

- i. Surat layang melainkan ia dilengkapi dengan maklumat dan bukti yang kukuh;
- i. Isu Konflik peribadi/ dalaman PTJ;
- ii. Isu ketidakpuasan hati mengenai perkhidmatan dan pentadbiran
- iii. Ketidakhadiran kakitangan;
- iv. Kehilangan aset PTJ dalam nilai yang kecil; dan
- v. Aduan daripada Sistem Maklum Balas dan Aduan UKM (eFACT).

4. YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menyalurkan aduan kepada Unit ini melalui mana-mana **Saluran Rasmi Aduan Integriti UKM** berikut:

- E-mel : aduanintegriti@ukm.edu.my
- Telefon : 03-8921 3182/ 5009
- Ketua Unit Integriti UKM : 019-310 3465
- Hadir ke Pejabat Unit Integriti : Unit Integriti
Aras 5, Bangunan Canselori
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor

UNIT INTEGRITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3182/ 3139/ 5008 E-mel: integriti@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/integriti



5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan lanjut, YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan hubungi Unit ini di talian 03-89213182/5009 atau e-mel ke aduanintegriti@ukm.edu.my .

Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian terima kasih.

Yang benar,



HAIRUZZAKI MOHD. YUSOFF
Ketua
Unit Integriti UKM

- s.k
- Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
 - Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat)
 - Pendaftar
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pro Naib Canselor Kampus Kuala Lumpur
 - Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)
 - Pengarah Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK)

rb/rm/HMY

UNIT INTEGRITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3182/ 3139/ 5008 E-mel: integriti@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/integriti

